

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN  
[ BUKIT KATIL ]**

**TARIKH : 24 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6545**

**SOALAN:**

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini siasatan kes tembakan maut oleh anggota Polis Diraja Malaysia terhadap seorang awam di Machap Umboo, Melaka pada 7 Februari 2014 termasuk kemungkinan anggota berkenaan digantung tugas.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kertas Siasatan telah dibuka berkait Machap Baru Repot 88/2014, di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan. Kejadian berlaku apabila seorang lelaki Cina yang cuba menyerang pihak polis semasa cuba ditangkap kerana telah menyerang dan mengugut seorang lelaki dengan menggunakan senjata pisau dan parang. Pihak polis telah melepaskan satu das tembakan dan terkena bahagian perut setelah cuba dipujuk agar menyerah diri. Mangsa telah meninggal dunia semasa pembedahan mengeluarkan peluru.**

***Post Mortem* telah dijalankan dan sebab kematian adalah akibat kecederaan terkena tembakan di bahagian abdomen. Kertas siasatan akan dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya.**